



SEJARAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Isu yang ingin dikupas di sini amat penting, iaitu penginstitution Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, atau dalam bahasa lebih mudah, penggubalan dan penguatkuasaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Sejarah penginstitution Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu penting kerana prinsip-prinsipnya mendasari Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada hari ini. Terdapat dua buah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang melibatkan sembilan orang Raja Melayu (Negeri Sembilan ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Besar dan Pembesar-Pembesar Memerintah) dengan Kerajaan England bagi pihak dua buah Negeri Selat, iaitu tahun 1948 dan 1957. Seperti sedia maklum, sembilan orang Raja Melayu itu mewakili kerajaan mereka masing-masing iaitu Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Kedah, Kelantan, Johor dan Terengganu.

Pandangan popular termasuklah kebanyakan sarjana pada hari ini mendakwa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah sebuah kontrak sosial hasil rundingan antara kaum yang disepakati oleh *'our forefathers'*. Banyak penulisan meletakkan taraf Perlembagaan

Persekutuan Tanah Melayu 1957 sebagai hasil rundingan perlembagaan atau '*a consequence of constitutional bargaining*'. Frasa '*our forefathers*' dalam kenyataan di atas bermaksud para pemimpin parti-parti politik, terutamanya UMNO, MCA dan MIC. Dakwaan 'kontrak sosial' itu seterusnya membina satu teori baharu bahawa tanpa persetujuan bangsa penghijrah dan rakyat British yang mendiami Negeri-negeri Selat tentang status Islam sebagai agama Persekutuan, kedaulatan Raja-raja Melayu dalam pemerintahan negara, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan martabat bahasa Melayu, pastinya kemerdekaan tanah air tidak diberikan oleh British. Bangsa penghijrah adalah mereka yang bukan rakyat Raja Melayu di Tanah Melayu. Rakyat British pula adalah mereka yang ditakrifkan di bawah Akta Kewarganegaraan British 1949, termasuklah rakyat negeri yang dijajah atau berada di bawah perlindungan British.

Pendapat lain mengatakan status Islam sebagai agama Persekutuan, kedaulatan Raja-raja Melayu dalam pemerintahan negara, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan martabat bahasa Melayu, kesemuanya itu adalah ciptaan perlembagaan (*creation of constitution*) yang digubal oleh Suruhanjaya Reid. Malah, terdapat dakwaan tanpa berasaskan pada sejarah undang-undang watan tanah air yang menobatkan amalan *Westminster* sebagai prinsip teras Raja Berperlembagaan. Pendapat yang lebih liar mendakwa kedaulatan Raja-raja Melayu hanya bersifat simbolik. Perbahasan tentang kontrak sosial dilihat mengabaikan kedudukan sembilan orang Raja-raja Melayu yang merupakan penguasa tertinggi sembilan buah kerajaan negeri di Tanah Melayu. Justeru, amat wajar sekali sejarah penginstitutionan Persekutuan Tanah Melayu dari sudut sumber kuasanya diperhalusi. Makalah ini menilai tahap penglibatan raja-raja dalam penginstitutionan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sehingga tahun 1957 menerusi analisis dari sudut sejarah perundangan. Bagi maksud di atas, aspek kontrak sosial, punca kuasa penginstitutionan dan perkembangan perlembagaan dihuraikan. Kefahaman tentang penginstitutionan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu amat penting kerana di situ terletaknya ukuran pihak sebenar yang melaksanakan kuasa kedaulatan, sekaligus dapat menilai pelbagai dakwaan yang dilontarkan.